

KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP 2008

oleh: Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

Rumah Hijau yang diwakili Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Kediaman, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan PALAPES UniMAP muncul johan keseluruhan pada Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2008 yang diadakan di Stadium Tuanku Syed Faizuddin Putra, UiTM Arau, pada 19 hingga 20 Januari 2008 lalu. Pasukan Rumah Hijau memperolehi 19 emas, 11 perak dan 6 gangsa menjadikan kutipan keseluruhan 36 pingat, manakala di tempat kedua milik rumah Biru yang diwakili Jabatan Keselamatan, Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar dengan kutipan 33 pingat keseluruhan. Tempat ketiga pula disandang pasukan rumah Kuning (Jabatan Canselori, Perpustakaan dan Pembangunan) juga mempunyai jumlah kutipan pingat yang sama dengan rumah Biru. Sebanyak 52 rekod dari 72 acara yang dipertandingkan berjaya dipecahkan. Antaranya melalui acara

100m lelaki dan wanita senior dengan catatan masa 11.2 saat oleh Nazmizan Muhammad dan 14.6 saat oleh Nurul Ashikin Mohd Josrie. Mereka juga telah dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati 2008 bagi kejohanan tersebut. Bagi kategori pelajar pula, rumah Ungu yang diwakili oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik muncul juara dengan kutipan 8 pingat emas, 1 perak dan 1 gangsa. Rumah Biru Laut yang diwakili Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan muncul juara untuk mata terbanyak iaitu dengan 226 mata. Olahragawan pelajar disandang oleh Mohammad Isa bin Ahmad Azan dari rumah Merah iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik yang memenangi 2 emas iaitu 100 m dan 200 m dengan kedua-dua acara mencatat rekod baru kejohanan. Olahragawati pula disandang oleh Siti Zubaidah binti Ghazali dari rumah Ungu iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang juga memenangi acara 100 m dan 200 m dengan rekod baru kejohanan. Manakala bagi Hiasan Rumah Terbaik dimenangi oleh rumah Hitam iaitu dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dan Perbarisan Terbaik dimenangi oleh rumah Merah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik.>>> ms42

Ms41>>> Menurut Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol Prof Dato' Dr Kamarudin Hussin pada perasmian pembukaan yang turut dihadiri oleh DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP, beliau berharap agar semangat bersaing dalam sukan dapat dikekalkan, malah dipamerkan dalam bidang akademik, dan penyelidikan. "Saya yakin jika semangat sukan yang sama dikekalkan, institusi kita akan menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global", tambahnya.

Sementara itu, majlis penutup Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2008 disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Datuk Zulkifli A. Hassan. Dalam ucapan penutupnya, Y.Bhg. Datuk Zulkifli berkata, kejohanan olahraga yang dianjurkan merupakan satu inisiatif murni untuk menggalakkan dan membudayakan aktiviti sukan di kalangan warga universiti. "Saya percaya melalui kejohanan inilah satu titik permulaan akan muncul kepada satu usaha yang murni untuk membentuk masyarakat terutamanya warga kampus yang sihat, aktif dan cergas serta berupaya untuk membentuk satu perpaduan antara warga kampus UniMAP ini. Ini akan mengelakkan warga kampus dari terjerumus ke lembah yang tidak diingini" katanya lagi.